

01/10/2002

Hentikan amalan politik maki hamun

PEMBANGKANG perlu menghentikan amalan politik memaki hamun, mencaci, menghina sesama orang Melayu bagi mengelakkan jurang perpecahan di kalangan masyarakat Melayu terus melebar.

Siam Kasrin (BN-Batu Pahat), ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2003, berkata politik tidak wajar menjadikan masyarakat lupa kepada peradaban Melayu yang menjadi teras pegangan selama ini.

"Tindakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat mengakui tersilap mengatakan Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran sudah cukup bagi membuktikan kekeluparan pembangkang.

"Walaupun beliau belum lagi meminta maaf kepada Dr Mahathir seperti yang dikatakan, saya harap ini dijadikan iktibar untuk kita mengembalikan ikatan kita sebagai rumpun Melayu.

"Sewajarnya politik menyerang keperibadian seseorang perlu dielak sama sekali kerana tidak mencerminkan kewibawaan dan kematangan selaku pemimpin," katanya.

Siam juga meminta Pas mencontohi dasar politik DAP dengan seterusnya seperti MCA, MIC, PPP dan Gerakan yang tidak menyerang sesiapa secara peribadi dan permusuhan politik tidak menjejaskan persahabatan mereka sebagai rakyat negara ini.